



12 Jun 2024
12 June 2024
P.U. (A) 157

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 6) 2022 (PINDAAN) 2024

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 6) ORDER 2022 (AMENDMENT) ORDER 2024

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECEUALIAN) (NO. 6) 2022 (PINDAAN) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 6) 2022 (Pindaan) 2024**.

(2) Perenggan 2 disifatkan telah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2022.

(3) Perenggan 3 disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2024.

Pindaan perenggan 3

2. Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 6) 2022 [*P.U. (A) 235/2022*], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam perenggan 3 dalam takrif “orang yang layak”—

(a) dengan memotong perkataan “atau” di hujung subsubperenggan (b);

(b) dalam subsubperenggan (c), dengan menggantikan noktah di hujung subsubperenggan itu dengan perkataan “; atau”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subsubperenggan (c) subsubperenggan yang berikut:

“(d) suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990 [*Akta 441*] dan syarikat itu telah membuat pemilihan di bawah seksyen 3A Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 [*Akta 445*] untuk dikenakan cukai mengikut Akta.”.

Pindaan perenggan 4

3. Perenggan 4 Perintah ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subperenggan (2) dengan subperenggan yang berikut:

“(2) Bagi maksud pengecualian di bawah subperenggan (1), orang yang layak itu hendaklah, dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, mematuhi syarat yang dikenakan oleh Menteri sebagaimana yang dinyatakan dalam garis panduan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 134A Akta, yang hendaklah termasuk syarat yang berikut:

(a) pendapatan dividen yang dikecualikan di bawah subperenggan (1) hendaklah—

(i) telah tertakluk kepada cukai yang sama sifatnya dengan cukai pendapatan di bawah undang-undang wilayah yang pendapatan itu terbit; dan

(ii) kadar tertinggi cukai yang sama sifatnya dengan cukai pendapatan di bawah undang-undang wilayah yang pendapatan itu terbit pada masa itu adalah tidak kurang daripada lima belas peratus; atau

(b) orang yang layak hendaklah—

(i) mengambil kerja pekerja yang mencukupi di Malaysia; dan

- (ii) melakukan amaun perbelanjaan operasi yang mencukupi di Malaysia.”; dan

(b) dengan memotong subperenggan (3).

Dibuat 7 Jun 2024

[MOF.TAX(S)700-3/1/915; LHDN.AY.A 600-12/1/7 (29)-351; PN(PU2)80/JLD.111]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Menteri Kewangan II

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 6) ORDER 2022 (AMENDMENT) ORDER 2024

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Exemption) (No. 6) Order 2022 (Amendment) Order 2024**.

(2) Paragraph 2 is deemed to have effect from the year of assessment 2022.

(3) Paragraph 3 is deemed to have come into operation on 1 January 2024.

Amendment of paragraph 3

2. The Income Tax (Exemption) (No. 6) Order 2022 [P.U. (A) 235/2022], which is referred to as the “principal Order” in this Order, is amended in paragraph 3 in the definition of “a qualifying person”—

(a) by deleting the word “or” at the end of subsubparagraph (b);

(b) in subsubparagraph (c), by substituting for the full stop at the end of the subsubparagraph the words “; or”; and

(c) by inserting after subsubparagraph (c) the following subsubparagraph:

“(d) a company incorporated under the Labuan Companies Act 1990 [Act 441] and the company has made an election under section 3A of the Labuan Business Activity Tax Act 1990 [Act 445] to be charged to tax in accordance with the Act.”.

Amendment of paragraph 4

3. Paragraph 4 of the principal Order is amended—

(a) by substituting for subparagraph (2) the following subparagraph:

“(2) For the purposes of exemption under subparagraph (1), the qualifying person shall, in the basis period of a year of assessment, comply with the conditions imposed by the Minister as specified in the guidelines issued by the Director General under section 134A of the Act, which shall include the following conditions:

(a) the dividend income exempted under subparagraph (1) shall—

- (i) have been subjected to tax of a similar character to income tax under the law of the territory which the income arises; and
- (ii) the highest rate of tax of a similar character to income tax under the law of the territory which the income arises at that time is not less than fifteen per cent; or

(b) the qualifying person shall—

- (i) employ an adequate number of employees in Malaysia; and
- (ii) incur an adequate amount of operating expenditure in Malaysia.”; and

(b) by deleting subparagraph (3).

Made 7 June 2024

[MOF.TAX(S)700-3/1/915; LHDN.AY.A 600-12/1/7 (29)-351; PN(PU2)80/JLD.111]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Minister of Finance II

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the
Income Tax Act 1967]*